

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10301

SOALAN:

PR-1353-L02798

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan atas dasar apa saya selaku Ahli Parlimen Malaysia dilarang untuk memasuki Miri, Sarawak tanpa diketahui sebabnya pada 23 September 2017

105

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63 jelas dibaca sebagai undang-undang khas bagi Negeri Malaysia Timur di mana Pengarah hendaklah mematuhi apa jua arahan yang diterima daripada Pihak Berkuasa Negeri. Untuk makluman, YB Ampang telah ditolak kemasukan adalah atas arahan Pihak Berkuasa Negeri sejajar dengan peruntukan Seksyen 65(1)(a) Akta Imigresen 1959/63 iaitu:

- (a) mengehendaki supaya tidak mengeluarkan suatu Permit atau Pas, atau deskripsi yang ditentukan tentang Permit atau Pas, kepada mana-mana orang atau golongan orang yang tertentu, atau supaya berbuat demikian hanya untuk tempoh tertentu atau atas terma-terma dan syarat-syarat yang tertentu; dan**
- (b) Seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 iaitu sekatan ke atas hak masuk warganegara ke dalam Negeri Malaysia Timur.**